

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	7/12/2018

Emir Qatar dirai jamuan tengah hari

BH - 7/12/2018 m/s: 6

Putrajaya: Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, semalam, meraikan Emir Qatar, Sheikh Tamim Hamad Al Thani, menerusi satu jamuan tengah hari di Seri Perdana, di sini.

Pemerintah Qatar itu tiba di negara ini kelmarin, bagi lawatan kerja tiga hari ke Malaysia.

Ketibaan Sheikh Tamim di Seri Perdana disambut Dr Mahathir sebelum diiring untuk menandatangani buku pelawat di Galeri Protokol.

Antara yang hadir pada jamuan itu ialah Menteri Luar, Datuk Saifuddin Abdullah; Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mujahid Yusof; Menteri Per-

dagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Darell Leiking serta Ketua Pengarah Pusat Governans, Integriti dan Anti Rasuah Nasional, Tan Sri Abu Kassim Mohamed.

Mesyuarat di Perdana Putra Terdahulu, Dr Mahathir dan Sheikh Tamim mengadakan mesyuarat di Perdana Putra di sini.

Lawatan itu adalah pertemuan rasmi pertama Sheikh Tamim dan Dr Mahathir sejak pertukaran kerajaan Malaysia pada Mei lalu.

Sheikh Tamin yang menaiki takhta pada 2013 sebagai Emir Qatar kelapan, mengadakan lawatan sulung ke negara ini pada Oktober tahun lalu.

BERNAMA



Sheikh Tamim menandatangani buku pelawat di Kediaman Rasmi Perdana Menteri, Seri Perdana, semalam.